

**MAJLIS PERASMIAN PENUTU PERTANDINGAN PIDATO INTEGRITI ANTARA
INSTITUT PENDIDIKAN GURU, PIALA MENTERI PELAJARAN MALAYSIA 2012
10/04/2012**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Y.Bhg Tan Sri Mohd Sidek bin Hj Hassan

Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Institut Integriti Malaysia

Y.Bhg. Dato' Dr Rosli bin Mohamad

Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Dato' Sri Abd. Ghafar bin Mahmud

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Y.Bhg Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh

Presiden Institut Integriti Malaysia

Y.Bhg. Datuk Haili bin Dolhan

Rektor Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia

Barisan panel hakim dan para peminato,

Y.Bhg Tan Sri - Tan Sri, Datuk - Datuk, tuan - tuan dan puan - puan yang saya hormati
sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah izin dan kurniannya
maka kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Penutupan Pertandingan Pidato Integriti
Antara Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) peringkat kebangsaan bagi tahun 2012.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak
penganjur, iaitu Institut Integriti Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa
Melayu atas kejayaan menganjurkan pertandingan pidato integriti yang telah masuk kali
ketiga pada tahun ini. Saya berharap agar kerjasama yang terjalin ini dapat diperkukuhkan
lagi dalam bentuk pelaksanaan program-program yang menyuburkan budaya dan amalan
integriti khususnya di kalangan bakal-bakal guru di negara kita.

3. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang telah mengambil
bahagian dalam pertandingan pidato ini. Saya percaya sepanjang dua hari pertandingan ini
berlangsung, para peserta bukan sahaja telah berupaya menampilkan mutu pidato yang baik,
tetapi juga mempunyai tahap kefahaman yang mendalam terhadap isu-isu yang berkaitan
dengan amalan dan budaya integriti di negara kita.

4. Lebih-lebih lagi sebagai bakal pendidik, para pelatih di institut pendidikan guru wajar
mendalami falsafah dan budaya integriti sebagai persediaan untuk menjadi guru yang
berwibawa. Dalam konteks ini, kewibawaan seorang guru bukan sahaja diukur dari segi
kebolehan melahirkan pelajar yang berjaya mendapat A dalam semua matapelajaran, tetapi

lebih dari itu wibawa seorang guru juga dinilai dari segi keupayaan mendidik murid menjadi insan yang beretika, beradab dan berakhlak mulia. Dalam ertikata lain, tugas seorang guru tidak hanya terhenti setakat mengasah kecerdasan minda murid, tetapi juga mendidik jiwa dan sanubari mereka agar menjadi insan mulia yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni.

5. Ini adalah selaras dengan hasrat kita untuk menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, iaitu sebuah negara yang mencapai kemajuan yang seimbang dari segi kesejahteraan ekonomi, kestabilan politik, kesepaduan sosial dan berjaya membina masyarakat yang berpegang teguh kepada nilai agama, moral dan etika. Melaluinya, rakyat negara kita akan dapat menikmati kehidupan yang sejahtera, berkongsi nikmat ekonomi secara adil dan saksama serta berdaya saing, dinamik dan tangkas dalam mengharungi arus globalisasi.

6. Cabaran yang kita hadapi hari ini adalah bagaimana untuk membina sebuah negara yang maju dan sejahtera berasaskan acuan kita sendiri? Hal ini bergantung kepada bagaimana kita menilai kemajuan dan kesejahteraan. Dalam dunia yang semakin kompleks hari ini, apakah yang menjadi ukuran sebenar kemajuan dan kesejahteraan? Jika kedua-duanya semata-mata diukur berdasarkan kejayaan meningkatkan pendapatan perkapita, menghasilkan pekerja yang pintar dan melahirkan seramai mungkin Pemenang Anugerah Nobel, maka pastinya negara-negara maju hari ini tidak akan berhadapan dengan sebarang krisis yang menggugat kesejahteraan rakyat mereka. Sudah pastilah kejayaan menjana kekayaan negara yang tiada tara, melahirkan saintis yang terkemuka dan menjadi kuasa besar politik, ekonomi dan ketenteraan dunia, akan mewujudkan kesejahteraan yang berkekalan.

7. Namun di negara-negara maju hari ini, terutamanya selepas krisis kewangan yang melanda Amerika Syarikat, Greece, Spanyol, Portugal dan negara-negara lain, yang mana tempiasnya dirasai di seluruh dunia, telah muncul pemikiran baru mengenai kepentingan amalan nilai murni dan etika dalam pengurusan ekonomi dan politik. Ahli-ahli ekonomi di Barat mula mempersoalkan apakah krisis yang melanda negara mereka berpunca daripada ketidakcekapan mengurus ekonomi atau kerana wujud masalah yang lebih mendasar, iaitu kurangnya penghayatan nilai moral, etika dan kebertanggungjawaban sosial.

8. Ada yang mengatakan Kejatuhan Lehman Brothers dan Merill Lynch di Amerika Syarikat bukanlah disebabkan oleh kegagalan Harvard, Yale dan Stanford melahirkan pakar-pakar ekonomi dan kewangan untuk bekerja dengan syarikat-syarikat gergasi dunia. Sebaliknya, kejatuhan firma-firma ini sebahagian besarnya berpunca daripada kegagalan para pengamal ekonomi untuk mewujudkan budaya pengurusan yang telus, bertanggungjawab dan beretika.

9. Justeru, kini sudah ada pemikir ekonomi di Barat yang melihat pendewaan melampau terhadap nilai material dalam suasana persiangan ekonomi yang semakin rakus telah menyebabkan pengabaian terhadap nilai-nilai moral dan etika yang merupakan paksi utama kewujudan sebuah masyarakat yang sejahtera. Oleh sebab itu, ada juga di kalangan pemikir di Barat yang mula menoleh kepada institusi-institusi pendidikan dan mengingatkan mereka supaya kembali kepada fungsi asas pendidikan, iaitu untuk melahirkan insan-insan berintegriti yang akan berbakti kepada masyarakat apabila mereka melangkah keluar dari puncak menara gading.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

10. Tujuan saya mengaitkan krisis yang berlaku di Barat dan kemunculan pemikiran baru yang kembali menekankan kepentingan amalan nilai moral dan etika dalam masyarakat

adalah untuk mengingatkan kita supaya tidak sekali-kali mengabaikan fungsi asas pendidikan di negara kita, iaitu untuk melahirkan insan kamil yang memiliki kecerdasan intelek, keseimbangan emosi, kehebatan jasmani dan kekuatan rohani. Dalam ertikata yang lain, di samping kita mengejar matlamat untuk menjadi sebuah negara maju, jangan kita lupa bahawa tujuan utama pendidikan di negara kita adalah untuk melahirkan insan mulia yang berilmu dan berintegriti. Saya percaya, sekiranya kita sentiasa berpegang teguh kepada matlamat murni pendidikan ini sepertimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, maka kita akan dapat mengelak daripada terjerat dalam krisis moral dan etika yang akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat kita pada masa hadapan.

11. Untuk mencapai matlamat pendidikan yang murni ini, kita memerlukan sumbangan para guru untuk berganding bahu melahirkan insan yang berkualiti dan berintegriti. Pada gurulah kita mempertaruhkan segala harapan untuk melahirkan modal insan yang berilmu dan berkemahiran, dan pada masa yang sama mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka.

12. Sebagai bakal guru, saudara dan saudari mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membentuk sahsiah pelajar yang menjadi prasyarat utama kepada kejayaan kita melahirkan generasi yang berintegriti. Dalam menjayakan hasrat ini, kepimpinan organisasi pendidikan harus mempunyai kefahaman yang jelas mengenai segala aspek berkaitan integriti, kelakuan dan tata tertib supaya pembudayaan integriti dapat disuburkan dalam organisasi masing-masing.

13. Selain itu, saya berpandangan penilaian tahap integriti warga pendidik perlu dilaksanakan dari masa ke semasa. Penilaian ini akan membantu Kementerian Pelajaran untuk mengenalpasti aspek-aspek yang boleh dilakukan penambahbaikan. Usaha juga perlu dilaksanakan untuk menyebarkan maklumat berkaitan amalan dan budaya integriti di kalangan warga pendidik supaya tahap kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan integriti dalam perkhidmatan pendidikan dapat ditingkatkan.

14. Kita sedia maklum bahawa proses pemantapan integriti memerlukan penglibatan dan usaha yang bersungguh-sungguh dari semua peringkat pengurusan pendidikan. Justeru, strategi dan pelan tindakan secara berfokus diharap dapat dilaksanakan secara kolektif untuk memastikan tahap integriti warga pendidik sentiasa tinggi. Saya yakin kerjasama pintar yang telah sedia terjalin antara Institut Pendidikan Guru dan Institut Integriti Malaysia dapat dikembangkan lagi untuk menyemarakkan amalan dan budaya integriti di kalangan warga pendidik di negara kita. Pertandingan pidato integriti yang diadakan pada hari ini adalah satu langkah yang baik untuk mencapai hasrat ini.

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada Institut Integriti Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu atas kejayaan menganjurkan pertandingan pidato ini. Ucapan syabas juga saya tujukan kepada para pemidato yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Pertandingan Pidato Antara Institut Pendidikan Guru 2012.

Wabillahi al-taufiq walhidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.